

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HPW 101 - Pemikiran Kritis

Tarikh: 8 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Kertas Peperiksaan ini mengandungi 12 mukasurat. Ianya terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Jawab SEMUA soalan daripada SEMUA bahagian. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas soalan.

BAHAGIAN A - (25 markah)

1. Baca empat pernyataan ini:

- A. Hanya pelajar Pemikiran Kritis boleh berfikir dengan cara yang teratur.
- B. Tidak ada pelajar Pemikiran Kritis yang boleh berfikir dengan cara yang teratur.
- C. Setengah orang yang boleh berfikir dengan cara yang teratur, bukan pelajar Pemikiran Kritis.
- D. Setengah pelajar Pemikiran Kritis tidak boleh berfikir dengan cara yang teratur.

Angka Giliran: _____

Bagi setiap keadaan yang berikut (a) i - vi sampai (b) i - v tentukan sama ada jawapannya betul atau salah:

(a) Sekiranya Pernyataan A benar, maka

- i. Pernyataan B mesti juga benar (betul / salah)
- ii. Pernyataan B mesti tidak benar (betul / salah)
- iii. Pernyataan C mesti juga benar (betul / salah)
- iv. Pernyataan C mesti tak benar (betul / salah)
- v. Pernyataan D mesti juga benar (betul / salah)
- vi. Pernyataan D mesti tak benar (betul / salah)

(b) Sekiranya Pernyataan D tak benar, maka

- i. Pernyataan A mesti benar (betul / salah)
- ii. Pernyataan B mesti benar (betul / salah)
- iii. Pernyataan C mesti benar (betul / salah)
- iv. Pernyataan A mesti tak benar (betul / salah)
- v. Pernyataan B mesti tak benar (betul / salah)

(11 markah)

2. Bagi setiap soalan berikut, bulatkan jawapan yang tepat sekali.

(a) "Hanya penuntut yang telah belajar bersungguh-sungguh boleh lulus dalam peperiksaan akhir". Ini bermaksud bahawa

- i. Semua penuntut yang tidak lulus tidak belajar bersungguh-sungguh.
- ii. Tidak ada penuntut yang belajar bersungguh-sungguh tetapi tidak lulus.

Angka Giliran: _____

- iii. Semua penuntut yang tidak belajar bersungguh-sungguh tidak lulus dalam peperiksaan akhir.
 - iv. Tidak satu pun yang di atas.
- (b) "Anda harus menggunakan sabun Lux kerana kebanyakan bintang-bintang filem terkenal menggunakan sabun Lux".
- i. Ayat ini mengandungi satu penilaian.
 - ii. Ayat ini mengandungi satu pernyataan.
 - iii. Ayat ini mengandungi satu hujah.
 - iv. Tidak satu pun yang di atas.
- (c) Sekiranya benar bahawa (semua permohonan daripada orang perempuan akan ditimbang), maka
- i. benar bahawa semua permohonan yang ditimbang adalah dari orang perempuan.
 - ii. benar bahawa setengah permohonan yang ditimbang adalah dari orang perempuan.
 - iii. tidak benar bahawa setengah permohonan yang ditimbang adalah dari orang perempuan.
 - iv. Tidak satu pun yang di atas.
- (d) Sekiranya Pernyataan P adalah konsisten dengan Pernyataan Q, maka
- i. bila P tak benar, Q akan benar.
 - ii. bila Q tak benar, P akan juga tak benar
 - iii. bila P benar, Q mesti juga benar.
 - iv. tidak satu pun yang di atas.

Angka Giliran: _____

- (e) "Banyak benda dalam dunia ini yang sebenarnya adalah percuma". Sekiranya pernyataan ini benar, maka
- i. tak benar bahawa semua benda dalam dunia ini adalah percuma
 - ii. tak benar bahawa setengah benda dalam dunia ini tidak percuma.
 - iii. benar bahawa setengah benda dalam dunia ini tidak percuma.
 - iv. tak benar bahawa tidak ada benda dalam dunia ini yang percuma.
- (f) "Tidak ada orang jujur yang tidak malu bila melakukan rasuah." Ini bermaksud bahawa
- i. semua orang yang tidak jujur tidak malu bila melakukan rasuah.
 - ii. tidak ada orang yang tidak jujur yang malu bila melakukan rasuah.
 - iii. semua orang yang malu bila melakukan rasuah bukan orang yang jujur.
 - iv. semua orang yang jujur malu bila melakukan rasuah.
- (g) Kalau benar bahawa tidak ada orang miskin yang duduk di bandar maka
- i. semua orang yang duduk di bandar adalah kaya.
 - ii. semua orang yang miskin tidak duduk di bandar.
 - iii. semua orang yang tidak duduk di bandar adalah miskin.
 - iv. tidak satu pun yang di atas.

(14 markah)

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN B - (25 markah)

3. Bagi setiap hujah yang berikut tentukan sama ada ianya suatu hujah yang sah atau tidak. Tulis jawapan di garisan yang telah disediakan.

(a) Semua A adalah B
Beberapa B adalah C
Jadi, beberapa A adalah C _____

(b) Semua P adalah Q
Semua R adalah P
Jadi, semua R adalah Q _____

(c) Semua P adalah Q
Tidak ada Q yang R
Jadi, tidak ada P yang R _____

(d) Tidak ada X yang Y
Beberapa Z bukan X
Jadi, beberapa Z bukan Y _____

(e) Semua A adalah B
Setengah C bukan A
Jadi, setengah C bukan B _____

(f) Kalau P maka Q
Sebenarnya bukan Q
Maka bukan P _____

(g) Kalau P maka Q
Sebenarnya Q
Maka P _____

(14 markah)

4. Untuk setiap pernyataan berikut tentukan sama ada ianya benar atau tidak. Tulis jawapan di garisan yang telah disediakan.

(a) Suatu hujah yang tidak berkaedah betul dan mempunyai kesimpulan yang tidak benar boleh terdiri daripada:

i. dua premis yang benar _____

ii. dua premis yang tidak benar _____

Angka Giliran: _____

- (b) Suatu hujah yang berkaedah betul, mempunyai kesimpulan yang tidak benar boleh terdiri daripada:
 - i. dua premis yang benar _____
 - ii. dua premis yang tidak benar _____

- (c) Suatu hujah yang berkaedah betul, mempunyai kesimpulan yang benar tidak boleh terdiri daripada:
 - i. satu premis yang benar dan satu premis yang tidak benar _____
 - ii. kedua-dua premis yang tidak benar _____

- (d) Kesahan suatu hujah tidak ditentukan oleh kebenaran premis-premisnya _____

- (e) Dalam hujah deduktif, sekiranya kesimpulan diimplikasikan oleh kedua-dua premisnya, maka ianya adalah sebuah hujah yang sah. _____

(8 markah)

5. Beri satu contoh asli hujah bernas:

(3 markah)

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN C - (25 markah)

6. Tentukan sama ada hujah-hujah berikut merupakan hujah deduktif atau hujah induktif. Tulis jawapan di garisan yang telah disediakan.

- (a) Semua kereta berwarna biru
X adalah sebuah kereta
Jadi, X berwarna biru

- (b) Encik Ahmad adalah mahasiswa USM,
60% daripada mahasiswa/i USM tinggal di
Desasiswa.
Jadi, Encik Ahmad tinggal di Desasiswa

- (c) 90% daripada jumlah bunga-bunga berbau
wangi,
X adalah sejenis bunga
Jadi, X adalah berbau wangi

- (d) Setiap petang dia sampai di rumahnya pada
pukul 5.00 petang.
Jadi hari ini dia akan sampai di rumahnya
pada pukul 5.00 petang

- (e) Sekiranya saya boleh berjogging sejauh 3
batu dari Pekan A ke Pekan B.
Maka saya boleh berjogging sejauh 3 batu
lagi dari Pekan B ke Pekan C.
Jadi, agak jelas bahawa saya boleh
berjogging dari Pekan B ke Pekan C

(10 markah)

7. Bincangkan setiap hujah-hujah berikut, yang mana satu Syarat Perlu dan Syarat Mencukupi:

- (a) Hanya pelajar-pelajar tahun Pertama USM diwajibkan mengambil kursus Pemikiran Kritis.

Angka Giliran: _____

(b) Kalau ia seekor angsa
Maka ia mesti berkaki dua.

(c) Kalau ia waranegara Indonesia
Maka ia mesti boleh bercakap dalam bahasa Jawa.

(d) Kalau X, maka Y.

Angka Giliran: _____

(e) Kalau ia seekor singa
Ia mesti berjenis mamalia.

(10 markah)

8. Berikan definisi syarat perlu dan syarat mencukupi.

(5 markah)

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN D - (25 markah)

9. Tentukan sama ada pernyataan yang berikut Benar ataupun Tidak Benar. Bulatkan jawapan yang sesuai.

- (a) Hujah-hujah yang mengandungi falasi informal tidak semestinya salah kesimpulannya. benar // tidak benar))

- (b) Hujah-hujah berbelit-belit adalah sahih dari segi kaedahnya, akan tetapi hujah sebegini masih lemah oleh sebab ianya tak berguna dan boleh disalahgunakan untuk menipu orang. benar / tidak benar)

- (c) Kita tidak boleh menerima pernyataan-pernyataan yang tidak boleh dibuktikan. (benar / tidak benar)

- (d) Kegunaan jargon dalam sebuah hujah sentiasa melemahkan hujah itu. (benar / tidak benar)

- (e) Tujuan penghujahan adalah untuk memenangi dalam pembicaraan. Jadi lebih berkesan kalau kita menunjukkan hujah-hujah kita kepada orang yang melawan kita. (benar / tidak benar)

(10 markah)

10. Berikan komen yang mana sesuai untuk lima(5) buah hujah yang berikut:

- (a) Encik A seorang pemain bola sepak yang sederhana sahaja, jadi, saya tak yakin dia bermain dalam pasukan negerinya.

Angka Giliran: _____

- (b) Kita boleh mengetepikan teori Dr. N.N. itu; dia suka dikenali orang sahaja.

- (c) Berkata yang tidak benar adalah berbohong dan orang yang berbohong adalah pembohong. Jadi kita semua adalah pembohong.

- (d) Jangan gunakan perkataan 'Demokrasi' itu. Tiada seorang pun yang boleh mentakrifkan apakah ertinya sebenar.

Angka Giliran: _____

- (e) Semua yang gagal dalam Pemikiran Kritis adalah bodoh ataupun malas. Mereka tak boleh bodoh oleh sebab mereka sudah masuk ke Universiti. Jadi mereka malas.

(15 markah)

-ooo000ooo-